

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG (KLUANG)**  
**TARIKH : 3 APRIL 2017**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Liew Chin Tong (Kluang)** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keputusan Laporan Jawatankuasa Siasatan Bebas mengenai kejadian kebakaran Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru pada 25 Oktober 2016, dan sama ada kerajaan akan mengumumkan laporan penuh untuk makluman rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Jawatankuasa Siasatan Bebas (JKSB) ditubuhkan sebagai siasatan dalaman Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertujuan untuk mengenalpasti cadangan penambahbaikan bagi pengurusan kejuruteraan fasiliti serta pengurusan Unit Rawatan Rapi (ICU) disamping mengenal pasti punca kebakaran. Prosiding JKSB Insiden Kebakaran Unit ICU Selatan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru ini **masih berjalan** dan laporan siasatan masih belum disediakan oleh panel JKSB. Laporan ini dijangka akan disiapkan pada bulan Jun 2017.

Oleh itu, memandangkan ianya adalah merupakan satu siasatan dalaman yang bertujuan untuk penambahbaikan penggunaan fasiliti, maka **KKM belum membuat keputusan sama ada laporan tersebut akan diumumkan sepenuhnya atau sebahagiannya kepada umum, kerana KKM perlu mengambil kira implikasi undang-undang serta liabiliti Kerajaan terhadap pihak ketiga** sekiranya laporan ini diumumkan kepada pihak umum kelak. Meskipun begitu, KKM sentiasa berusaha keras dan memberi jaminan akan terus memastikan kesemua fasiliti dibawah KKM agar selamat untuk manfaat dan kepentingan rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK TSEN THAU LIN @ LINDA [ BATU SAPI ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2017**

**SOALAN : 43**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

strategi untuk mengetatkan pengawalan keselamatan di Pantai Timur Sabah yang masih diancam oleh lanun dan penculik dari negara lain.

## **Tuan Yang Di-pertua,**

Antara langkah-langkah yang diusahakan oleh ESSCOM untuk mengetatkan pengawalan keselamatan di Pantai Timur Sabah adalah seperti berikut :

Pertama, pelaksanaan secara mikro perjanjian-perjanjian bilateral dan trilateral serta tertumpu kepada hubungan di antara kerajaan dengan kerajaan. Pasukan keselamatan termasuk ESSCOM menyambut tindakan kerajaan untuk melaksanakan kerjasama hubungan tiga hala yang dikenali sebagai *Trilateral Cooperative Arrangement* (TCA) di antara negara Filipina, Indonesia dengan Malaysia dalam menangani isu-isu keselamatan di persempadanan negara.

Melalui perjanjian tersebut, ketiga-tiga negara bersetuju untuk :

1. perkongsian maklumat serta memperkukuhkan kerjasama perisikan di antara negara;
2. mengadakan rondaan terkoordinasi maritim
3. mengadakan pengawasan udara bersepadu
4. hot pursuit

Kedua, langkah strategik telah diwujudkan di peringkat pasukan keselamatan dan penguatkuasaan. ESSCOM sentiasa komited dengan kawalan keselamatan di sepanjang perairan Pantai Timur Sabah. Selain mengadakan operasi-operasi khas di kawasan darat, ESSCOM telah memperkenalkan "Zon Tanggungjawab" bagi menambahbaik atur gerak semula aset-aset di darat dan laut bagi meningkatkan kawalan keselamatan di kawasan ESSZONE. Selain itu juga, Zon Tanggungjawab ini berperanan untuk meningkatkan tahap keyakinan keselamatan nelayan dan krew-krew kapal kerana pihak keselamatan beroperasi sekitar kawasan mereka menangkap ikan. Ini juga memudahkan mereka untuk mendapatkan pertolongan sekiranya berlaku penculikan.

Ketiga, ESSCOM sentiasa mengemaskini maklumat risikan terkini serta menganalisa corak (pattern) insiden penculikan bagi memudahkan jangkaan (prediction) penculikan pada masa hadapan. Analisa risikan ini juga berperanan sebagai maklumat untuk operasi-operasi gagalkan cubaan penculikan.

Sekian, Terima Kasih.